



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 16 Disember 2022

1	Lima negeri kurang bekalan telur
2	Anjing ancam pengguna jalan
3	Five states still facing severe shortage of eggs

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Lima negeri kurang bekalan telur

Tinjauan di beberapa pasar raya dan kedai runcit dapatkan bekalan telur ayam sukar diperoleh

KUALA LUMPUR

Bekalan telur ayam di pasar raya dan kedai runcit di lima negeri iaitu Perak, Pulau Pinang, Kelantan, Selangor dan Melaka dilihat semakin meruncing berikutnya banyak pihak termasuk pengguna dan peniaga mengaku berdepan kesukaran mendapatkan bekalan itu ketika ini.

Di PERAK, tinjauan di sebuah pasar raya segar di Bandar Meru Raya, Ipoh mendapati berlaku pengurangan stok telur ayam sehingga tiada bekalan mampu simpanan di premis manakala beberapa kedai runcit pulak boleh didapati dalam kuantiti amat sedikit.

Pekerja kedai runcit, Muliadi Abdul Jalil, 32, berkata, kekurangan bekalan telur berlaku sejak kira-kira tiga bulan lepas apabila premis berkenaan sebelum ini pernah menerima bekalan telur sebanyak 60 papan tetapi kini hanya memperoleh separuh daripada tempahan atau lebih sedikit akibat ketidakaatan stok.

Menurut seorang lagi pekerja kedai runcit, Fikri Abdul Rahman, 23, premis itu juga hanya memperoleh separuh bekalan telur iaitu hanya kira-kira 60 papan berbanding 150 papan sebelum ini.

Di PULAU PINANG, pengusaha kedai makan di Bandar Perda, Azhar Basirun, 59, berkata, dia perlu mendapatkan sekurang-kurangnya 60 biji telur ayam setiap hari untuk perniagaannya namun terpaksa membeli di beberapa kedai runcit berikutnya mengehadkan perm-

belian 10 biji sahaja untuk seorang.

Pengguna Muhammad Haris Omar, 42, turut mengakui bekalan telur ayam terhad dan harganya agak mahal berbanding kebiasaan, justeru berharap masalah itu dapat diselesaikan segera oleh pihak berkuasa kerana telur antara sumber makanan yang murah untuk keluarga B40.

Seorang peniaga telur ayam di pasar di Kepala Batas, Amirul Muizz, 45, mengakui mendapat bekalan yang sedikit iaitu kurang separuh daripada biasa dan kadangkala tiada langsung telur ayam yang dihantar oleh pemborong kepada-

nya. Di KELANTAN, tinjauan di beberapa kedai runcit dan pasar raya menunjukkan tiada bekalan telur ayam seperti kebiasaannya di rak-rak jualan, sebaliknya masih digantikan dengan bekalan telur omega dan telur putih.

Pekerja pasar raya di Bandar Baru, Hassan Basri, 27, berkata, bekalan telur putih dan omega baru tiba pada Khamis dan dijangka habis dalam beberapa jam sahaja.

Selain itu, pengusaha bakeri, Nadia Bustamam, 34, berkata, ketidakaatan bekalan telur ayam biasa sebelum ini menjadikan operasi perniagaannya kerana terdapat beberapa jenis kek tidak boleh menggunakan telur lain selain telur ayam berwarna perang.

Sementara itu di SELANGOR, tinjauan di sekitar Shah Alam mendapati bekalan telur sukar diperoleh sejak beberapa bulan lepas terutamanya di kawasan yang jauh dari bandar.

Suri rumah, Rosliza Abdul Samad, 40, berkata, ketidakaatan bekalan sumber protein itu membuatnya terpaksa pergi ke pasar raya lebih jauh dari kawasan pemenuhan selain terpaksa membeli telur jenis omega yang jauh lebih mahal kerana susah untuk mendapatkan telur biasa.



FOTO: BERNAMA

Tiada stok telur diletakkan di rak sebuah pasar raya di Bandar Meru Raya, Ipoh pada Khamis berlaku masalah bekalan.

Di MELAKA, peniaga nasi lemak, Muhammad Ismail Sulaiman, 40, dari Klebang Pengkalan Rama berkata, dia beberapa kali berdepan kesukaran mendapatkan bekalan telur sehingga mendapat pilihan," jelasnya.

"Kadang-kadang saya terpaksa mencari di lebih lima premis untuk membeli telur ayam dan terdapat juga kedai runcit atau pasar raya yang mengehadkan jualan bagi setiap pembeli. Selain bekalan, pilihan gred telur yang dijual kebanyakannya gred B dan harganya lebih mahal namun tiada pilihan," jelasnya.

Selain itu, Tan Hock Seng, 34, dari Bachang mengakui turut berhadapan situasi sama berikutnya telur ayam di kedai runcit berhampiran rumahnya sering kehabisan bekalan dan adakalanya hanya boleh dibeli pada hari tertentu. - Bernama

Anjing ancam pengguna jalan

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Orang ramai yang menggunakan laluan Simpang Empat Kundur di sini bimbang melanggar atau merempuh lebih 10 ekor anjing liar yang sering berkeliaran di tengah jalan di kawasan tersebut setiap hari.

Anjing liar itu mengganggu pergerakan pengguna jalan raya apabila sentiasa berada di situ dan tidur di atas jalan berkenaan.

Seorang pengguna jalan raya, Mohd. Hamid Mohd. Azahari, 45, berkata, anjing liar didapati sering berkeliaran di atas kawasan jalan dan keadaan itu boleh menyebabkan kemalangan.

Katanya, anjing itu juga sering bergaduh dan mengganggu pemandu kenderaan atau penunggang motosikal yang melalui laluan tersebut.

"Saya sering menunggang motosikal melalui jalan itu dan berdepan ketakutan setiap kali melihat keliatan anjing berkenaan.

"Jalan itu adalah laluan untuk ke Kampung Awek dan Bukit Cekati malah menjadi laluan alternatif untuk ke Jeli," katanya.



ANJING liar mengganggu pengguna jalan raya di Simpang Empat Kundur, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, Asmat Che Ali, 39, berkata, dia melalui jalan berkenaan untuk menghantar anak ke sekolah hampir setiap hari.

Katanya, difahamkan, anjing tersebut mempunyai pemilik, namun ia dipelihara tanpa pengawasan di kawasan awam.

"Jika anjing-anjing itu ada pemiliknya, mereka perlu lebih peka dan perlu berada di pekan premis mereka.

"Saya berharap pihak berkuasa tempatan dapat menjalankan operasi dan menangkap haiwan itu kerana ia mengganggu pengguna jalan raya di sini," ujarnya.

Sementara itu, Penolong Setiausaha Majlis Daerah Gua Musang (MDGM), W. Mohd. Afiq W. Alias berkata, pihaknya mengambil serius isu haiwan berkeliaran seperti anjing di kawasan awam sekitar daerah ini.

Katanya, MDGM akan mengadakan operasi bersepadu 'Op Rabies' bersama Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Veterinar secara berjadual di seluruh bandar Gua Musang dalam masa terdekat.

"MDGM juga akan mengambil tindakan segera dengan memasang perangkap anjing di kawasan yang dikenal pasti," katanya.

Five states still facing severe shortage of eggs

KUALA LUMPUR: The supply of eggs in supermarkets and retail stores in five states, namely Perak, Penang, Kelantan, Selangor and Melaka, is dwindling as many consumers and traders admit to difficulty in securing daily supplies.

In PERAK, a survey by Bernama at a fresh food supermarket in Bandar Meru Raya, Ipoh, found that there were no eggs on the shelves or in the storeroom, while some retail stores only offered limited quantities for purchase.

A grocery store worker, Muliadi Abdul Jalil, 32, said the lack of egg supply started about three months ago when the shop, which previously stocked 60 trays, now only receives half the order or less.

According to another grocery store worker, Fikri Abdul Rahman, 23, the premises now only receives less than half of its normal supply of 150 trays, with an average of about 60 trays.

In PENANG, a restaurant operator in Bandar Perda, Azhar Basirun, 59, said he needs at least 60 eggs for his business every day, but had to go hunting at many retail stores as traders limited purchases to only 10 eggs per person.

Consumer Muhammad Haris Omar, 42, also admitted that the supply of eggs is limited and the price higher than usual, hence he hoped that the problem could be resolved soon by the authorities because eggs are among the cheaper sources of nutrition for B40 families.



Limited stock: A worker at a supermarket in Gua Musang, Kelantan, arranging the supply of eggs. — Bernama

A chicken egg dealer in the market in Kepala Batas, Amirul Muizz, 45, said his supply has been reduced by more than half the usual, and sometimes, the wholesaler did not send any at all.

In KELANTAN, a survey at some grocery shops and supermarkets found there was a lack of the usual supply of eggs, with the options

available being Omega and sandy eggs (premium eggs), which are more costly.

A supermarket worker in Bandar Baru, Hassan Basri, 27, said a supply of sandy and Omega eggs just arrived yesterday, but he expected the stock to be sold out today.

A bakery entrepreneur, Nadia Bustamam, 34, said previously, a

shortage of normal eggs had affected her business operations because she believed some types of cakes could not use eggs other than the brown-coloured variety.

Meanwhile, in SELANGOR, a survey around Shah Alam found that eggs had been scarce for the past few months, especially in areas that are far from the city centre.

"Sometimes I have to search in more than five shops for eggs."

Muhammad Ismail Sulaiman

Housewife Rosliza Abdul Samad, 40, said the lack of supply of the protein source forced her to go to a supermarket further away from her housing area and she had to settle for Omega-type eggs which were much more expensive because she was unable to buy regular eggs.

In MELAKA, nasi lemak trader Muhammad Ismail Sulaiman, 40, from Klebang Pengkalau Rama said he too had faced difficulty finding eggs, which affected his sales.

"Sometimes I have to search in more than five shops for eggs and there are also grocery shops or supermarkets that limit sales for each buyer."

"In addition to the shortage, the eggs sold are mostly B-grade, which is more expensive ... but I have no choice," he lamented.

Tan Hock Seng, 34, from Bachang also admitted to facing a similar predicament, as eggs at the nearby grocery store often ran out of stock, and sometimes only had eggs on certain days.